

26 MAR 2001

Mahathir-Buku

MAHATHIR LANCAR BUKU MENGENAI SENI REKA ISLAM

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan buku bertajuk "The Art of Living - Residential Architecture in the Islamic World" di Muzium Kesenian Islam di sini.

Buku itu memuatkan hasil kerja jurugambar Itali Ovidio Guiata yang mengandungi dokumentari visual mengenai warisan seni reka Islam.

Ketika berucap, Dr Mahathir berkata amat mengagumkan bagaimana larangan Islam terhadap perlambangan makhluk yang hidup, langsung tidak mengurangkan keindahan seni reka Islam.

Beliau berkata sebaliknya ia telah memupuk pembangunan reka bentuk geometrikal yang lebih cantik lagi.

"Dalam kami mengadakan lawatan, isteri saya (Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali) dan saya sungguh bernasib baik kerana dapat melawat banyak rumah di sini dan luar negara dan menyaksikan sendiri keindahan seni reka Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata sebuah rumah orang Islam akan memberikan banyak maklumat penting berhubung prinsip estetika, citarasa keindahan, nilai sosial dan moral, keadaan politik pada masa itu, status ekonomi penghuninya dan cuaca kawasan itu.

Rumah orang Islam, mungkin boleh dianggap sebagai ensiklopedia hidup bagi agama yang kaya dengan tradisi itu, katanya.

Beliau berkata pembinaan taman, saluran air, kolam, air pancut dan pokok buah-buahan seumpama itu mencerminkan persepsi Islam mengenai apa yang dikatakan sebagai syurga semasa di akhirat kelak.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudiannya melawat pameran yang mempamerkan hasil kerja Guiata yang diadakan sempena pelancaran buku itu.

Buku setebal 172 muka surat itu, diterbitkan oleh muzium itu, dijual pada harga RM75 senaskah dan hasil daripada jualan buku itu akan digunakan bagi pentadbiran muzium berkenaan.

-- BERNAMA

MAM AR RHM